

Anwar hilang bisa dalam pakatan pembangkang

Kelebihan diberi kepada Ketua Umum PKR undang konflik dalaman



MOHD IZANI
MOHD ZAIN

Cabaran utama yang dihadapi pakatan pembangkang adalah bagaimana mahu memastikan kerjasama politik mereka melangkaui pakatan pilihan raya. Isu hukum hudud dan pilihan raya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menggambarkan pakatan pembangkang masih belum dapat menyelesaikan perbezaan pandangan antara mereka.

Perbezaan ini sedikit sebanyak menimbulkan keraguan di manakah Dasar Bersama Pakatan Pembangkang selama ini, selain mahu menewaskan Kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya. Mutakhir ini apa yang lebih menyerlah adalah perbezaan sesama pakatan pembangkang dan bukan persamaan yang menyatukan mereka.

Perang mulut khususnya antara pemimpin PAS dan DAP seolah-olah tidak ada kesudahannya. Seperti biasa, PKR yang diharap menjadi 'orang tengah' gagal mendamaikan perbezaan antara PAS dan DAP.

Kekal sabitan, hukuman penjara

Belum lagi dapat menentukan kesepakatan dalam isu hukum hudud dan pilihan raya PBT, pakatan pembangkang menerima ujian getir apabila Mahkamah Persekutuan menolak rayuan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim atas kesalahan meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan. Mahkamah Persekutuan turut mengekalkan sabitan serta hukuman penjara selama lima tahun terhadap Anwar.

Ini adalah kali kedua Anwar disabitkan dengan kesalahan yang sama. Mahkamah Tinggi pada 8 Ogos 2000 mendapati Anwar bersalah meliwat pemandu keluarganya, Azizan Abu Bakar di Tivoli Villa. Bagaimanapun, dia dibebaskan pada 2 September 2004 apabila Mahkamah Persekutuan membatalkan sabitan kes liwat berkenaan. Lebih awal daripada itu, Anwar sebenarnya telah menjalani hukuman penjara selama enam tahun selepas didapati bersalah terhadap empat tuduhan rasuah pada 14 April 1999.

Ini bermakna, dari tahun 1999 hingga 2004, Anwar tidak bersama-sama dengan pakatan pembangkang kerana berada dalam penjara. Dalam tempoh itu, pakatan pembangkang menubuhkan Barisan Alternatif (BA) dan mengadakan pakatan pilihan raya bagi menghadapi Pilihan Raya Umum 1999 tanpa Anwar.

Pada ketika itu, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Dr Chandra Muzaffar dianggap mewakili entiti Anwar dalam urusan perbincangan dengan rakan parti pembangkang lain iaitu, PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Tidak dinafikan, tanpa Anwar, gerakan reformasi yang dicanangkan pembangkang pada peringkat awal banyak memberikan manfaat kepada PAS. Hal ini dapat dibuktikan

apabila PAS mendapat kerusi Parlimen terbanyak dalam PRU 1999. Ini membolehkan PAS meletakkan presidennya ketika itu, Datuk Fadzil Mohd Noor sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen buat pertama kali.

PAS juga mengekalkan kemenangan di Kelantan dan merampas Terengganu. Lim Kit Siang dari DAP turut melahirkan kebimbangan sesi Dewan Rakyat selepas pilihan raya 1999 akan banyak bertumpu kepada isu-isu Islam antara UMNO dan PAS.

Anwar selesai perbezaan PAS, DAP

Pembubaran BA pada 2001 turut dikaitkan dengan ketiadaan Anwar membantu menyelesaikan perbezaan antara PAS dan DAP kerana masih di penjara. Tambahan pula, pemimpin KeADILan yang lain pada ketika itu gagal menjadi jambatan kepada perselisihan antara kedua-dua parti.

Walaupun Anwar berada di penjara, dia menjadi pilihan sebagai calon Perdana Menteri jika pakatan pembangkang memenangi pilihan raya. PAS pada ketika itu boleh mencalonkan presidennya tetapi mengambil langkah menghormati Anwar.

Pembebasan Anwar pada tahun 2004 memberi harapan baharu kepada pakatan pembangkang. Anwar berperanan merapatkan kerjasama politik antara PAS, DAP dan PKR. Anwar pula dapat bergerak secara aktif dalam politik apabila diberikan laluan oleh isterinya, Dr Wan Azizah untuk bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Permatang Pauh pada 26 Ogos 2008.

Sejak itu, Anwar memimpin pakatan pembangkang dan dipilih sebagai Ketua Pembangkang di Parlimen. Namun, kedudukan itu dilihat telah memberi Anwar banyak kelebihan sehingga menafikan peranan dan hak rakan pakatan pembangkang khususnya PAS. Langkah Kajang adalah bukti paling nyata bagaimana keputusan menggantikan bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim langsung tidak dibawa ke meja perbincangan dengan PAS.

Sejak itu, Anwar terus dikritik kerana mementingkan agenda peribadi berbanding kepentingan bersama pakatan pembangkang. Malah, ada yang melihat beliau tidak lagi relevan dalam kanvas politik Malaysia kerana terlalu berpolitik.

Namun, kini Anwar berada di Penjara Sungai Buloh. Ketiadaan Anwar dalam politik Malaysia mungkin sedikit sebanyak menyulitkan keadaan pakatan pembangkang. Namun, situasi ini dijangkakan memberi ruang kepada pakatan pembangkang untuk memikirkan tentang kepemimpinan baharu mereka secara lebih serius.

Apabila Anwar dibebaskan nanti pada tahun 2020, beliau berumur 72 tahun. Pada ketika itu, Pilihan Raya Umum Ke-14 telah pun berlangsung. Mahu tidak mahu, pakatan pembangkang perlu mengemukakan kepemimpinan baharu bagi menghadapi pilihan raya dan mempertahankan kedudukan mereka. Mereka tidak boleh lagi bersandar kepada Anwar semata-mata.



Penulis

ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)

SIDANG REDAKSI

Pengarang Urusan
Kumpulan BH
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@bh.com.my

Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Mahfar Ali
mafa@bh.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Badrulhisham Othman
baneta@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengeluaran/e-Paper
Rosli Safar
rosli@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100, Kuala Lumpur, Tel: 1-300-22-6787, Faks: 03 20567081, Laman Web: www.bharian.com.my, E-mel: bhrencana@bh.com.my